



# **POLISI BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA**

Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti  
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)  
Diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 21 Disember 2025  
(Versi Pertama)

## KAWALAN VERSI DOKUMEN

<b>Polisi</b>	Berurusan Dengan Pihak Ketiga
<b>ID / Nombor Polisi</b>	
<b>Pemilik Polisi</b>	Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti
<b>Versi</b>	1.0
<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	21/12/2025
<b>Tarikh Semakan Terakhir</b>	15/12/2025
<b>Diluluskan oleh</b>	Ahli Lembaga Pengarah MBI
<b>Tarikh Kelulusan</b>	21/12/2025

## REKOD KEMASKINI

<b>Versi</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Ringkasan Perubahan kepada Polisi</b>

## Kandungan

<b>1.</b>	<b><i>Pendahuluan</i></b> .....	<b>3</b>
<b>2.</b>	<b><i>Pernyataan Komitmen Organisasi</i></b> .....	<b>7</b>
<b>3.</b>	<b><i>Usaha Wajar</i></b> .....	<b>7</b>
<b>4.</b>	<b><i>Skop Pelaksanaan Usaha Wajar</i></b> .....	<b>10</b>
<b>5.</b>	<b><i>Tindakan Pencegahan</i></b> .....	<b>11</b>
<b>6.</b>	<b><i>Fungsi Dan Tanggungjawab</i></b> .....	<b>12</b>

## 1. PENDAHULUAN

### 1.1 Objektif

Polisi ini adalah bertujuan untuk:

- 1.1.1 Memberikan panduan yang jelas dan menyeluruh kepada semua warga kerja berkenaan prinsip serta tatacara berurusan dengan urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga secara beretika, sah dan bertanggungjawab;
- 1.1.2 Memastikan semua urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") memenuhi piawaian integriti, etika dan pematuhan undang-undang yang ditetapkan;
- 1.1.3 Mengurangkan risiko integriti termasuk risiko yang berpunca daripada pihak ketiga seperti rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, pengubahan wang haram, konflik kepentingan, pemalsuan dokumen, penipuan, ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan dasar, serta sebarang bentuk salah laku yang boleh menjejaskan reputasi dan kepentingan organisasi dalam semua urusan yang melibatkan pihak ketiga;
- 1.1.4 Menetapkan keperluan pelaksanaan usaha wajar dan penilaian risiko terhadap urusan / projek yang memenuhi syarat melibatkan pihak ketiga sebelum sebarang urusan dijalankan; dan
- 1.1.5 Melindungi kepentingan, reputasi dan tatakelola MBI daripada implikasi negatif hasil ketidakpatuhan urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga terhadap prinsip integriti.

### 1.2 Skop

- 1.2.1 Polisi ini menjelaskan keperluan menginstitusikan urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga melalui pelaksanaan kawalan dalaman, penilaian risiko dan pematuhan terhadap dasar serta perundangan yang berkaitan. Ia bertujuan memastikan agar ia dikendalikan secara sistematik dan berakauntabiliti bagi mengurangkan potensi pendedahan kepada salah laku, ketidakpatuhan atau liabiliti undang-undang terhadap MBI.

### 1.3 Klausa Kerahsiaan

- 1.3.1 Polisi ini adalah merupakan hak milik MBI dan boleh diedarkan dalam kalangan kakitangan MBI dan syarikat milikannya, jika berkenaan. Kakitangan yang berkaitan mesti dibenarkan untuk mengakses Polisi ini untuk memastikan pematuhan.
- 1.3.2 Selain itu, maklumat yang terkandung dalam Polisi ini juga boleh didedahkan atau dikongsi kepada khalayak umum menerusi pelbagai platform organisasi seperti laman sesawang, media sosial dan sebagainya. Penyalahgunaan maklumat Polisi ini boleh menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil.

### 1.4 Pemakaian Polisi

- 1.4.1 Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan MBI, Ahli Lembaga Pengarah (“ALP”) MBI, pihak berkepentingan dalam MBI dan rakan perniagaan MBI.
- 1.4.2 Semua kakitangan yang terlibat dalam perkara yang berkaitan dengan dasar ini dikehendaki memastikan pematuhan yang ketat kepada keperluan dan kandungan Polisi ini pada setiap masa. Ketidakpatuhan hendaklah tertakluk kepada tindakan peraturan atau perundangan yang sewajarnya.

### 1.5 Definisi dan Singkatan

Di bawah menerangkan senarai singkatan / akronim dan takrifan masing-masing untuk tujuan Polisi ini.

Terma	Definisi
Ahli Lembaga Pengarah	Individu yang dipilih atau dilantik untuk menyelia kegiatan operasi organisasi. Ia termasuklah mana-mana individu yang memegang jawatan pengarah tidak kira dengan apa jua nama dipanggil dan termasuklah seseorang yang mengikut arahan atau petunjuk majoriti pengarah dan seorang pengarah silih ganti.
Kakitangan	Individu yang dilantik bekerja untuk organisasi secara tetap, kontrak, sementara, atau sambilan (Tertakluk kepada terma dan syarat lantikan MBI).

Konflik Kepentingan	Situasi dimana kepentingan peribadi seseorang individu bertentangan dengan kepentingan profesional majikan / syarikat yang berpotensi menjejaskan ketidakberpihakan individu berkenaan. Ia merangkumi sebelum, ketika dan selepas sesuatu kejadian itu.
Pengubahan Wang Haram	Suatu proses menukarkan perolehan yang dijana daripada kegiatan haram bertujuan untuk memberi suatu penampilan yang sah di sisi undang-undang. Ia adalah suatu proses membersihkan wang haram untuk menyembunyikan sumber asalnya.
Penilaian Integriti	Merujuk kepada proses sistematik yang dijalankan bagi menilai tahap pematuhan, latar belakang dan potensi risiko reputasi pihak ketiga sebelum atau semasa menjalinkan hubungan perniagaan dengan syarikat. Penilaian ini merangkumi tiga bentuk iaitu Kajian Asas, Kajian Khusus dan Kajian oleh Penyedia Perkhidmatan Luar.
Penilaian Risiko	Merujuk kepada proses mengenal pasti, menilai dan mengklasifikasikan tahap risiko yang berpotensi timbul daripada hubungan dengan pihak ketiga, termasuk risiko strategik, kewangan dan operasi. Hasil penilaian ini akan menentukan tahap intervensi yang diperlukan oleh syarikat.
Penyelewengan	<p>Merujuk kepada perkara-perkara yang tidak terhad seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemalsuan dokumen;</li> <li>• Mengemukakan tuntutan palsu;</li> <li>• Penyalahgunaan dana organisasi;</li> <li>• Penyalahgunaan aset organisasi;</li> <li>• Memusnah, mencacat, mengubah atau menyembunyi maklumat atau dokumen;serta</li> <li>• Lain-lain kesalahan jenayah.</li> </ul>
Pihak Berkepentingan	Organisasi yang ditubuh seperti syarikat milikan, yayasan, kelab sukan, pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Syarikat Milikan termasuklah semua kakitangan dan ALP serta Ahli Pemegang Amanah syarikat milikan.
Pihak Ketiga	Individu atau organisasi seperti pembekal, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, rakan usaha sama, serta mana-mana wakil yang bertindak bagi pihak MBI.

Rasuah	Tindakan memberi, menawarkan, menerima, meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan tugas rasmi untuk faedah dirinya atau orang lain atau organisasi.
Salah Guna Kuasa	Menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, samada badi dirinya sendiri atau saudaranya atau sekutunya. Tafsiran salah guna kuasa boleh dirujuk secara terperinci di bawah Seksyen 23: Tafsiran ASPRM 2009.
Usaha Wajar	Proses penilaian latar belakang pihak ketiga secara sistematik merangkumi aspek reputasi, kewangan, pematuhan undang-undang, dan integriti sebelum sebarang komitmen atau urusan dijalankan.

## 1.6 Kelulusan dan Kemaskini Polisi

- 1.6.1 Perubahan mungkin timbul dari semasa ke semasa dan adalah tanggungjawab Pemilik Dokumen, iaitu, Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti ("JPRTUI") untuk memastikan Polisi ini adalah dikemas kini seiring dengan keperluan.
- 1.6.2 Perubahan kepada dasar memerlukan kelulusan ALP MBI manakala perubahan dalam hal operasi hendaklah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBI.
- 1.6.3 ALP MBI juga berhak untuk mengkaji, mengubah, meminda, mengemaskini dan/atau membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara. Sebarang perubahan atau penyemakan semula pada Polisi ini akan dimaklumkan kepada semua Syarikat Kumpulan MBI dengan serta merta, jika perlu.

## 1.7 Garis Panduan Kawal Selia dan Rujukan Lain

Dokumen ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan dokumen dalaman lain dan garis panduan kawal selia luaran, jika terpakai. Senarai rujukan adalah termasuk dah tidak terhad kepada:

- 1.7.1 Polisi, standard prosedur serta mana-mana peraturan MBI yang sedang berkuatkuasa serta undang-undang di Malaysia seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“ASPRM”) 2009 (Akta 694), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613), Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Syarikat 2016 (Akta 777), dan lain-lain akta yang berkaitan.

## **2. PERNYATAAN KOMITMEN ORGANISASI**

- 2.1 MBI komited untuk memerangi sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pengubahan wang haram berkaitan dengan urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga. Tiada sebarang tolak ansur akan diberikan terhadap tingkah laku tidak beretika, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Ia hendaklah berlandaskan prinsip integriti, ketelusan, dan akauntabiliti sepertimana yang digariskan dalam Polisi Antirasuah MBI.
- 2.2 Polisi ini menetapkan prinsip-prinsip pengurusan projek yang melibatkan pihak ketiga yang konsisten, mengurangkan risiko berkaitan integriti, serta memperkukuh keyakinan pihak berkepentingan terhadap tatakelola MBI. Hanya urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga yang memenuhi standard etika dan undang-undang yang ditetapkan akan dilibatkan dalam urusan perniagaan MBI.
- 2.3 Oleh yang demikian, pematuhan terhadap urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga adalah mandat operasi yang perlu dilaksanakan oleh semua warga kerja MBI melalui pelaksanaan usaha wajar serta pemantauan berkala bagi memastikan penjajaran berterusan terhadap dasar dan piawaian tadbir urus korporat MBI.

## **3. USAHA WAJAR**

- 3.1 MBI mengamalkan prinsip "percaya tetapi perlu disahkan" sebagai asas kepada tadbir urus dalam mengurus hubungan dengan pihak ketiga. Pendekatan ini menuntut agar sebarang maklumat atau representasi daripada pihak ketiga tidak diterima secara automatik tanpa verifikasi yang sewajarnya. Oleh itu, pelaksanaan usaha wajar yang menyeluruh adalah mandat operasi bagi memastikan hanya urusan / projek yang memenuhi piawaian risiko dan integriti, etika serta pematuhan undang-undang dibenarkan.

3.2 Setiap urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga akan tertakluk kepada proses penilaian yang merangkumi tidak terhad kepada semakan latar belakang organisasi, rekod prestasi terdahulu, reputasi dalam industri, serta tahap pematuhan terhadap undang-undang dan standard etika yang ditetapkan. Proses ini bukan sahaja berfungsi sebagai langkah pencegahan terhadap risiko salah laku, malah ia menyokong keperluan kawalan dalaman organisasi dalam mengurangkan pendedahan risiko integriti mahupun risiko perniagaan.

3.3 Terdapat tiga (3) peringkat usaha wajar yang perlu diamalkan oleh setiap warga kerja MBI iaitu:

3.3.1 Penilaian Integriti

**Keterangan:** Penilaian integriti dijalankan dalam tiga bentuk seperti berikut. Semua hasil kajian perlu didokumenkan dengan rapi sebagai bukti sokongan terhadap keputusan yang dibuat.

- i. **Kajian Asas:** Merangkumi pemeriksaan rujukan, carian internet dan / atau tinjauan mengenai apa-apa khabar angin atau maklumat yang diketahui oleh kakitangan;
- ii. **Kajian Khusus:** Merangkumi pemeriksaan maklumat korporat yang tersedia dan / atau carian melalui risiko atau pematuhan pangkalan data yang direka terutamanya untuk mengesahkan sama ada pihak ketiga ditetapkan pada sekatan atau senarai penangguhan dan mengambil media buruk; serta
- iii. **Kajian oleh Penyedia Perkhidmatan Luar:** Terdiri dari pengesahan daftar sekatan dan senarai penangguhan, tinjauan terhadap media buruk, carian rekod awam, dan carian sumber.

**Jabatan Yang Punyai Kepakaran:** Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti

**Rujukan Polisi:** Polisi Antirasuah dan Polisi Konflik Kepentingan

### 3.3.2 Penilaian Risiko

**Keterangan:** Penilaian risiko meliputi risiko strategik, risiko kewangan dan risiko operasi yang akan menentukan tahap intervensi yang diperlukan. Sekiranya wujud sebarang petunjuk negatif, MBI berhak untuk menghentikan atau tidak meneruskan sebarang bentuk kerjasama. Penilaian risiko ini dilaksanakan oleh jabatan yang bertanggungjawab ke atas risiko, perniagaan atau projek berkenaan, berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengurusan Risiko (“JPR”). Penilaian tersebut seterusnya akan disemak oleh JPR bagi memastikan ketepatan dan kesesuaiannya, serta ulasan akan diberikan sekiranya perlu.

**Jabatan Yang Punyai Kepakaran:** Jabatan Pengurusan Risiko

**Rujukan Polisi:** Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko

### 3.3.3 Semakan Kontrak dan Perjanjian

**Keterangan:** Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan usaha wajar, pihak yang bertanggungjawab ke atas sesuatu urusan / projek perlu mendapatkan khidmat semakan dan pemuktamadan dokumen perundangan sekiranya relevan daripada fungsi sokongan dalaman berautoriti. Langkah ini memastikan peruntukan berkaitan tanggungjawab, liabiliti dan pematuhan dirangka selaras dengan dasar dalaman, prinsip integriti dan tadbir urus korporat. Bagi melindungi kepentingan organisasi, kontrak hendaklah merangkumi *exit clause* bagi penamatan sah jika berlaku pelanggaran terhadap obligasi integriti, pematuhan atau syarat utama yang ditetapkan.

**Jabatan Yang Punyai Kepakaran:** Jabatan Undang-Undang

**Rujukan Polisi:** Polisi Pengurusan Khidmat Perundangan & Risiko

3.4 Pelaksanaan usaha wajar terhadap urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga hendaklah dianggap sebagai satu keperluan strategik dan bukan sekadar pematuhan formal. Bagi memastikan keberkesanan dan ketelusan, setiap proses usaha wajar perlu merangkumi ketiga-tiga komponen utama tersebut sekiranya relevan. Gabungan ketiga-tiga komponen ini akan membentuk asas kawalan yang kukuh dalam menjamin urus tadbir yang beretika, mampan dan bebas daripada kelakuan tidak wajar.

- 3.5 Sebagai kawalan dalaman tambahan, Jabatan Pengurusan Transformasi (“TMO”) telah merangka Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Projek bagi memperkukuh pemantauan pelaksanaan projek secara menyeluruh. Ia menyediakan garis panduan sistematik dalam merancang, melaksana dan menilai kemajuan projek berimpak tinggi agar selaras dengan objektif ditetapkan. Pendekatan ini membantu mengurangkan risiko ketirisan, kelewatan, penyimpangan bajet serta pelanggaran dasar, seterusnya menyokong tadbir urus yang berkesan dan memastikan akauntabiliti dalam urusan melibatkan pihak ketiga.
- 3.6 MBI menetapkan keperluan untuk melaksanakan penilaian prestasi secara berkala terhadap semua pihak ketiga yang menjalankan urusan niaga dengan organisasi, bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan, pematuhan kontrak, serta kelakuan profesional sentiasa memenuhi jangkaan dan piawaian yang ditetapkan. Penilaian ini adalah sebahagian daripada pendekatan pengurusan pihak ketiga yang digariskan dalam Polisi Perolehan MBI, yang menekankan kepentingan kawalan terhadap risiko prestasi, reputasi dan tadbir urus. Sekiranya didapati wujud kelemahan dari aspek pematuhan atau tingkah laku yang boleh menjejaskan integriti organisasi, tindakan sewajarnya termasuk pengauditan, semakan semula kelayakan, penggantungan atau senarai hitam boleh dipertimbangkan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam hubungan perniagaan, malah mengukuhkan budaya integriti dalam keseluruhan rantai nilai organisasi.

#### **4. SKOP PELAKSANAAN USAHA WAJAR**

- 4.1 Pelaksanaan usaha wajar terhadap urusan atau projek yang melibatkan pihak ketiga hendaklah berpaksikan pendekatan berasaskan risiko, dengan mempertimbangkan nilai kewangan, kepentingan strategik urusan serta tahap pendedahan organisasi terhadap risiko integriti, pematuhan mahupun perniagaan. Pendekatan ini selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik dan prinsip pengurusan risiko yang berkesan.
- 4.2 Usaha wajar adalah mandatori bagi mana-mana urusan / projek yang memenuhi satu atau lebih daripada kriteria berikut, namun tidak terhad kepada:
- 4.2.1 Urusan / projek yang dikendalikan melalui kaedah perolehan rasmi seperti tender terbuka, tender tertutup dan sebagainya sepertimana diperuntukkan di dalam Polisi Perolehan MBI;

- 4.2.2 Urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga yang merupakan entiti baharu atau tidak berdaftar secara rasmi dengan MBI;
  - 4.2.3 Projek yang melibatkan rakan usaha sama strategik, perunding, ejen, wakil atau penyedia perkhidmatan profesional;
  - 4.2.4 Pelaburan sama ada melalui pemilikan ekuiti, kerjasama projek atau lain-lain bentuk penglibatan strategik, selaras dengan Polisi Pelaburan Kumpulan MBI;
  - 4.2.5 Urusan / projek yang melibatkan entiti luar negara, pihak yang beroperasi di kawasan berisiko, atau yang mempunyai potensi konflik kepentingan atau pendedahan reputasi; dan
  - 4.2.6 Projek berimpak tinggi, sepertimana yang diperuntukkan di bawah Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Projek MBI.
- 4.3 Senarai yang dinyatakan di atas bukanlah bersifat menyeluruh atau terhad kepada kategori yang disenaraikan. Ia perlu ditafsir dan dibaca secara inklusif, dengan mengambil kira konteks, kompleksiti serta tahap risiko sesuatu urusan / projek yang dijalankan. Sekiranya timbul sebarang ketidakpastian mengenai keperluan untuk melaksanakan usaha wajar bagi sesuatu urusan / projek, jabatan berkenaan disarankan agar mendapatkan pandangan daripada JPRTUI bagi memastikan pematuhan kepada dasar, serta perlindungan terhadap kepentingan MBI secara menyeluruh.
- 4.4 Sebarang pengecualian daripada pelaksanaan usaha wajar hendaklah disokong dengan dokumentasi justifikasi yang munasabah, disahkan oleh fungsi kawalan dalaman, dan berdasarkan penilaian risiko yang objektif. Keputusan untuk tidak melaksanakan usaha wajar mestilah mengambil kira tahap pendedahan organisasi terhadap risiko integriti, pematuhan dan reputasi.

## **5. TINDAKAN PENCEGAHAN**

- 5.1 Sebarang maklumat berkenaan salah laku, rasuah, penyelewengan, pengubahan wang haram atau ketidakpatuhan yang timbul dalam apa-apa urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga hendaklah dilaporkan segera kepada JPRTUI. Aduan juga boleh dibuat terus kepada pihak berkuasa berwajib seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM") sekiranya pelapor merasakan ia lebih bersesuaian atau diperlukan mengikut

situasi.

- 5.2 Ini adalah sebahagian daripada komitmen MBI untuk memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam setiap urusan perniagaan, khususnya yang melibatkan urusan / projek yang melibatkan pihak ketiga. Ia juga merupakan mekanisme kawalan penting bagi mencegah dan mengesan sebarang unsur salah laku yang berpotensi menjejaskan reputasi, kedudukan perundangan, atau integriti operasi organisasi.
- 5.3 MBI memberi jaminan bahawa mana-mana pelapor yang bertindak dengan niat baik akan dilindungi daripada sebarang bentuk tindakan balas atau diskriminasi, selaras dengan Polisi Pengurusan Aduan MBI serta perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
- 5.4 Sebagai langkah pencegahan tambahan, MBI akan melaksanakan program latihan dan inisiatif peningkatan kesedaran secara berkala kepada semua kakitangan dan, jika perlu, kepada pihak ketiga yang terlibat. Latihan ini bertujuan untuk memperkukuhkan pemahaman berkenaan integriti, tadbir urus yang baik, pematuhan perundangan serta tanggungjawab dalam melaporkan sebarang salah laku. Pendekatan ini adalah selaras dengan komitmen MBI untuk membina budaya kerja yang berintegriti dan beretika.

## **6. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB**

### **6.1 Ahli Lembaga Pengarah**

Peranan dan tanggungjawab ALP MBI adalah seperti berikut:

- 6.1.1 Menyemak dan meluluskan Polisi ini; serta
- 6.1.2 Memastikan Polisi ini digunakan dan dikuatkuasakan diseluruh peringkat operasi MBI.

### **6.2 Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko / *Board Governance And Risk Management Committee* (“BGRMC”)**

Peranan dan tanggungjawab BGRMC MBI adalah seperti berikut:

- 6.2.1 Menyemak dan mengesyorkan Polisi ini untuk kelulusan ALP MBI; serta
- 6.2.2 Memantau penguatkuasaan Polisi ini menerusi pembentangan laporan oleh JPRTUI MBI dari semasa ke semasa.

6.3 Jabatan Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti (“JPRTUI”)

Peranan dan tanggungjawab JPRTUI MBI adalah seperti berikut:

6.3.1 Mengemaskini Polisi seiring dengan keperluan semasa; serta

6.3.2 Mengedarkan dan memberi keterangan kepada kakitangan MBI dan Syarikat Milikan berkaitan intipati Polisi ini.

6.4 Warga Kerja

Peranan dan tanggungjawab warga kerja MBI adalah seperti berikut

6.4.1 Memahami dan mematuhi segala intipati Polisi ini.